

-Mufti usulkan gelaran BH 23 MAY 1985 'Bapa Pembangunan Islam' untuk Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu — Mufti Wilayah Persekutuan, Tan Sri Sheikh Mohsein Haji Salleh mencadangkan gelaran 'Bapa Pembangunan Islam' diberikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana gelaran itu lebih mencerminkan kewibawaannya menerapkan nilai-nilai Islam dalam pemerintahan negara.

Beliau tidak bersetuju dengan gelaran 'Bapa Pembangunan Moden' seperti yang diputuskan oleh satu usul Umno bahagian Pasir Salak dan kemudian disokong oleh pelbagai pihak kerana berpendapat gelaran itu pernah diberikan kepada Presiden Turki, Kemal Ataturk yang dianggap oleh pejuang-pejuang Islam sebagai pemerintah yang meruntuhkan Islam.

"Hakikat yang digambarkan menerusi gelaran itu kepada presiden pertama Turki bercanggah dengan apa yang hendak dilaksanakan oleh Perdana Menteri dalam usahanya membangunkan negara sesuai dengan kehendak Islam," katanya.

Mengulas sokongan yang diberikan oleh orang ramai terhadap gelaran itu beliau berkata, masyarakat harus menilai pengertian moden yang dimaksudkan dalam gelaran itu.

Perkataan moden tambahannya, bermakna melakukan sesuatu perubahan. Di sini ia tidak mengira sama ada perubahan yang dibuat itu bernilai baik atau tidak.

"Jika nilai yang dilaksanakan pada masa itu sesuatu yang baru sedangkan pada penilaian setengah pihak ia sesuatu yang buruk, maka pembangunan yang dilakukan sudah dianggap moden kerana ia dipersetujui oleh masyarakat yang menganggap perkara itu sesuatu pembaharuan.

"Sebaliknya pembangunan yang dibuat oleh Islam sentiasa mementingkan nilai-nilai yang baik walaupun ia sesuatu yang lama," katanya.

Mufti itu tidak mahu imej Perdana Menteri jatuh di kaca mata luar, terutama masyarakat Islam apabila beliau diberi gelaran 'Bapa Pembangunan Moden'.

Beliau bersetuju satu gelaran diberikan kepada pemimpin negara itu tetapi "biarlah gelaran yang hendak diberikan sesuai dengan ketokohan beliau dan dapat dinilai oleh semua masyarakat," katanya.